

**PANDUAN MENGISI BORANG JANS 1(b)  
BAGI PERMOHONAN LESEN DAN PINDAAN MAKLUMAT**

I. Pemohon dinasihatkan membaca dengan teliti arahan-arahan di dalam Garis Panduan Permohonan Notis Pendaftaran Lesen sebelum mengisi borang.

II. Borang ini hendaklah dilengkapi dengan menggunakan **PEN DAKWAT HITAM** atau bertaip dan ditulis menggunakan **HURUF BESAR**.

III. Berikut adalah panduan borang bagi bahagian-bahagian utama di dalam borang permohonan JANS 1(b) iaitu :

**A. JENIS PERMOHONAN**

Tandakan ( / ) jenis permohonan yang berkenaan. Permohonan pembaharuan hendaklah dibuat sekurang-kurangnya **enam (6) bulan** sebelum tarikh luput pendaftaran lesen.

**B. JENIS LESEN**

- Jenis Lesen Kemudahan – sekiranya pemohon merupakan pemilik sistem bekalan air
- Jenis Lesen Perkhidmatan – sekiranya pemohon merupakan pengendali sistem bekalan air
- Kemudahan dan Perkhidmatan bekalan air dipegang oleh entiti yang sama
- Pemohon hendaklah mengisi Borang JANS 1(a) dan 1(b) sekiranya pemohon merupakan pemilik dan pengendali sistem.

**C. MAKLUMAT PEMOHON**

Lengkapkan dengan maklumat sebagaimana di dalam dokumen pengenalan pemohon seperti kad pengenalan atau dokumen pendaftaran dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau dokumen perakuan pendaftaran yang relevan

**D. SENARAI SEMAK DOKUMEN SOKONGAN YANG PERLU DISERTAKAN**

Tandakan ( / ) dokumen sokongan yang disertakan.

**E. PENGAKUAN OLEH PEMOHON**

Pemohon dikehendaki menurunkan tandatangan berserta cop rasmi syarikat bersama tarikh permohonan.

IV. Permohonan hendaklah disertakan dengan dokumen sokongan yang lengkap (sila rujuk senarai semak)

Dokumen-dokumen sokongan yang diperlukan bagi Permohonan Lesen Perkhidmatan adalah seperti berikut :

NO.	SENARAI DOKUMEN	BARU	PEMBAHARUAN
1	Borang A		
	Borang JANS 1(b) – Butiran Permohonan (2 Salinan)		
	Borang JANS 3 - Akuan Berkanun		
2	(a) Borang 9 - Perakuan Perbadanan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)		
	(b) Borang 13 – SSM (jika ada pertukaran)		
	(c) Borang D - Pendaftaran perniagaan SSM (Milik Tunggal / perkongsian)		
	(d) Kad Pengenalan Atau Passport (disahkan benar)		
3	Salinan notis pendaftaran terdahulu		
4	<b>Dokumen sokongan yang diperlukan bagi permohonan Lesen Perkhidmatan – Lori Tangki Air :-</b>		
	(a) Sijil PUKONSA (Kod Bidang BEKALAN & PERKHIDMATAN 227103 - Membekal Air)		
	(b) Surat Kelulusan PUSPAKOM yang masih sah		
	(c) Lesen Perniagaan		

**Nota :**

\*Dokumen sokongan diperlukan sekiranya terdapat sebarang perubahan atau tidak pernah dikemukakan kepada JANS

^Stesen pam dikecualikan

\*jika berkenaan

V. Untuk permohonan pindaan maklumat, pemohon dikehendaki mengisi semula Borang JANS 1(a) atau JANS 1(b) atau kedua-duanya dan mengemukakan dokumen sokongan termasuk surat sumpah (jika perlu) bagi permohonan pindaan maklumat yang hendak dibuat untuk dipertimbangkan oleh pihak JANS.